

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH JAWAPAN : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan pembinaan grid selatan Sabah yang menghubungkan Kimanis dan Tawau. Adakah program bekalan elektrik di Sook Pensiangan berkaitan dengan grid tersebut dan bila bekalan elektrik dapat disalurkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Cadangan pembinaan Talian Grid Selatan atau *Southern Link* adalah masih dalam peringkat perancangan awal. Pada masa ini persiapan sedang diusahakan untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran bagi menentukan jajaran bagi talian voltan tinggi 275kV yang akan menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) Kalumpang, Tawau ke PMU Mengalong di Sipitang. Projek ini apabila siap kelak akan memperkukuhkan sistem grid Sabah secara keseluruhan.

2. Daerah Sook sekarang dibekalkan dengan bekalan elektrik daripada Pencawang Masuk Utama (PMU) Keningau 132/33kV melalui talian 33kV. Kawasan luar bandar lain di daerah Sook yang belum ada bekalan elektrik adalah di bawah skop dan bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) dengan kerjasama Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB). Pada ketika ini di daerah Sook terdapat 25 buah kampung yang dalam proses diberikan bekalan elektrik.

3. Bagi daerah Pensiangan pula, bekalan elektrik disalurkan 12 jam sehari dari jam 6.00 petang sehingga 6.00 pagi melalui Stesen Janakuasa Pensiangan dengan enjin yang berkapasiti 1x75kW dan 1x45kW. Dalam masa terdekat, SESB akan menaiktaraf enjin sedia ada 45kW kepada 75kW bagi menampung beban semasa. Bagi kampung-kampung yang masih belum mendapat bekalan elektrik, SESB akan bekerjasama erat dengan pihak KKLW bagi memastikan bekalan elektrik dapat disalurkan ke kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.
